

BAB 3 Peta Lakar

Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.3 Peta Lakar		1.3.1 Menggunakan peta lakar yang tepat dengan ciri-ciri peta		Buku Teks m.s 26	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3 TP1	20
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta lakar, lembaran kerja		Rally Table		Menganalisis		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta buih		Bekerjasama		
Cadangan PdPc						
1. Guru berbincang dengan murid tentang maksud peta lakar dan ciri-ciri yang perlu ada pada sebuah peta lakar yang lengkap. 2. Murid menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 dalam buku Power Up Geografi halaman 20. 3. Murid dibahagikan secara pasangan. 4. Guru memberikan lembaran kerja yang mengandungi peta buih kepada setiap pasangan. Tajuk peta buih tersebut ialah "Ciri-ciri Peta Lakar". 5. Secara berpasangan, murid bergilir-gilir memberikan jawapan dengan menulis di atas lembaran kerja yang sama dan menggunakan pen yang sama. 6. Kemudian, murid membandingkan jawapan dengan pasangan yang lain.						
Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.3 Peta Lakar		1.3.2 Menggunakan simbol yang tepat dalam peta lakar		Buku Teks m.s 27	Soalan 4 Soalan 5 TP2 TP2	21
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, peta lakar		Peta i-THINK		Mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta pokok		Toleransi		
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang jenis-jenis simbol yang digunakan dalam peta lakar. 2. Guru mengkategorikan simbol-simbol dalam peta lakar kepada empat jenis, iaitu simbol kawasan, simbol titik, simbol garisan dan singkatan perkataan. 3. Guru membincangkan tentang penggunaan setiap jenis simbol tersebut. 4. Murid menjawab soalan 4 dan soalan 5 dalam buku Power Up Geografi halaman 21. 5. Murid secara individu menyediakan peta pokok untuk menunjukkan contoh simbol singkatan, simbol kawasan, simbol garisan dan simbol titik yang biasa digunakan dalam peta lakar. 6. Murid mewarnakan simbol-simbol yang dilukis menggunakan warna yang betul. 7. Murid menampal peta i-THINK yang telah siap di dalam buku latihan mereka. 8. Guru menilai hasil kerja murid.						

Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
Standard Kandungan (SK)						
1.3 Peta Lakar		1.3.3 Membezakan pandang darat fizikal dan pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam peta lakar	Buku Teks m.s 28	Soalan 6 Soalan 7 Soalan 8	TP3 TP3 TP3	22
BBM		PAK-21	KBAT			
Buku teks, peta lakar, foto ciri pandang darat fizikal dan pandang darat budaya		Pembentangan	Mengaplikasi			
EMK		i-THINK	Nilai Murni			
Kelestarian global		Peta bulatan	Bekerjasama, toleransi			
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya. 2. Guru menunjukkan beberapa foto yang menunjukkan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya. 3. Guru berbincang dengan murid tentang simbol-simbol yang digunakan untuk mewakili ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya dalam peta lakar. 4. Murid menghasilkan peta bulatan yang menunjukkan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya. 5. Murid menjawab soalan 6, soalan 7 dan soalan 8 dalam buku Power Up Geografi halaman 22. 6. Guru menampal sebuah peta lakar di hadapan kelas. 7. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 8. Setiap kumpulan perlu menghasilkan satu pembentangan untuk menunjukkan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya yang terdapat dalam peta lakar tersebut. 9. Hasil kerja setiap kumpulan dibentangkan di hadapan kelas. 10. Guru dan ahli kumpulan lain memberi komen tentang hasil kerja setiap kumpulan.						
Panduan RPH		Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
Standard Kandungan (SK)						
1.3 Peta Lakar		1.3.4 Menghasilkan peta lakar yang lengkap berdasarkan pandang darat setempat	Buku Teks m.s 29	Soalan 9 Soalan 10 Soalan 11	TP4 TP5 TP6	23 – 24
BBM		PAK-21	KBAT			
Buku teks, pandang darat sebuah kawasan petempatan/perumahan		Pembentangan	Mengaplikasi			
EMK		i-THINK	Nilai Murni			
Kelestarian global		Peta alir	Bekerjasama, toleransi			
Cadangan PdPc						
1. Guru menerangkan kepada murid tentang langkah-langkah melukis peta lakar. 2. Setiap murid menghasilkan peta alir yang menunjukkan langkah-langkah melukis peta lakar. 3. Guru menampal foto atau lakaran sebuah pandang darat kawasan petempatan di hadapan kelas. 4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. 5. Berdasarkan pandang darat tersebut, setiap kumpulan melukis peta lakar dengan ciri-ciri peta yang lengkap menggunakan simbol dan singkatan perkataan yang sesuai. 6. Hasil kerja setiap kumpulan dibentangkan di hadapan kelas 7. Murid membuat latihan (soalan 9 dan soalan 10) dan melakukan aktiviti (soalan 11) dalam buku Power Up Geografi halaman 23 dan 24.						